

# Usaha tingkat ekonomi nelayan

Sinar Harian 29/7/2018 m/s I

Pelbagai kemudahan,  
bantuan disediakan  
kerajaan untuk golongan  
berkenaan

GOKINA MORGANAN

KUALA KEDAH

Ratusan nelayan Kuala Kedah tidak melepaskan peluang menghadiri Majlis Ramah Mesra Pemimpin Bersama Nelayan Kuala Kedah di Pelabuhan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM), di sini, petang semalam.

Perjumpaan buat pertama kali selepas Datuk Salahuddin Ayub dilantik Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, di bawah kepimpinan Kerajaan Pakatan Harapan yang terbentuk pada PRU14 lalu.

Pada sesi perjumpaan santai itu, turut dihadiri Menteri Besar, Datuk Seri Mukhriz Tun Mahathir dan barisan kepimpinan negeri dan ketua jabatan terbabit.

Dalam ucapannya, Salahuddin turut menerangkan lebih lanjut usaha dilaksanakan kerajaan terhadap nelayan bagi meningkatkan sosial ekonomi nelayan dengan menyediakan pelbagai kemudahan dan bantuan.

Antara kemudahan seperti Jeti Pendaratan, Skim Subsidi Minyak Petrol Dan Diesel, Insentif Pendaratan Ikan. Selain Elaun Sara Hidup Kepada Nelayan.



Sebahagian penerima bantuan pada majlis petang semalam.

Kesemua usaha itu bertujuan meningkatkan pendapatan dan produktiviti nelayan sekaligus memastikan kos operasi penangkapan ikan tidak akan membebankan golongan nelayan.

Selepas ucapan, beliau menyampaikan Bantuan Bencana Alam dan Kebajikan Nelayan dan Elaun Sara Hidup Nelayan kepada nelayan Kuala Kedah.

Pada majlis itu, Salahuddin menyampaikan cek replika Bantuan Touch Point untuk Peralatan Pemprosesan Industri Asas Tani (IAT) serta Bantuan Touch Point Projek Akuakultur.

Terdahulu, beliau juga sempat berkunjung ke pusat pembekuan ikan menggunakan teknologi Individual Quick Frozen (IQF).



Salahuddin memeriksa ikan ketika lawatan dan taklimat di Pusat IQF NEKMAT.

Tetamu tidak melepaskan peluang bersalam dengan Salahuddin.



Lawatan dan taklimat di Pusat IQF NEKMAT.



Salahudin menyampaikan Elaun Sara Hidup Nelayan Kuala Kedah 2018.



Salahuddin menyerahkan cek replika Bantuan Touch Point Projek Pemprosesan IAT kepada penerima.